



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

8 JUN 2016

KERAHAN PAKAR FORENSIK SIBER BANTU SIASATAN KES PEDOFILIA

PUTRAJAYA (8 JUN 2016) – Rentetan dari kes pedofilia yang melibatkan warga British Richard Huckle, 30, yang mengaku melakukan serangan seksual ke atas kanak-kanak dan memuatnaik rakaman video dan gambar ke laman sesawang tertentu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya CyberSecurity Malaysia bersedia untuk membantu pihak berkuasa tempatan dan juga luar Negara dalam melaksanakan penyiasatan berhubung kes berkenaan.

Menurut YB. Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi "kami memandang serius kes tersebut dan akan menyediakan kepakaran teknikal berkaitan keselamatan siber terutama dalam bidang forensik siber yang disediakan oleh CyberSecurity Malaysia bagi membantu pihak berkuasa menjalankan siasatan berhubung kes ini serta kes-kes yang seumpamanya di masa hadapan."

CyberSecurity Malaysia yang merupakan agensi pakar keselamatan siber negara mempunyai kepakaran dalam bidang forensik digital, di mana kemudahan makmal forensik digital dilengkapi dengan peralatan dan perisian forensik digital terkini serta diiktiraf di peringkat di bawah "Digital & Multimedia Evidence" berdasarkan ISO/IEC 17025:2005 dan pengiktirafan dari American Society of Crime Lab Directors/ Lab Accreditation Board (ASCLD/LAB).

Selain itu, Juruanalisa Forensik Digital di CyberSecurity Malaysia juga diwartakan dalam Kanun Tatacara Jenayah Malaysia 399 (Criminal Procedure Code 399) sebagai golongan pakar, di mana laporan dan testimonial dari Juruanalisa Forensik Digital CyberSecurity Malaysia diterima pakai di dalam perbicaraan di semua Mahkamah Undang-undang di Malaysia.

Dalam masa yang sama, usaha untuk memperkasakan pemahaman orang ramai mengenai kepentingan keselamatan siber serta penggunaan internet dan komputer secara positif dan beretika akan turut dipergiatkan.

“Ini termasuklah memperhebatkan lagi program-program keselamatan siber yang sedia ada iaitu *Program CyberSAFE in Schools* terutama dalam kalangan murid-murid sekolah di seluruh negara. Mereka perlu diberi pendidikan dan pendedahan mengenai tatacara menggunakan teknologi internet dengan berhemah agar mereka tidak terpengaruh dengan gelaja negatif dan bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa jenayah dan ancaman siber”, ujar Datuk Seri Panglima Madius.

Selain itu, ibubapa juga perlu sentiasa peka akan persekitaran siber semasa dan memainkan peranan dengan mengawasi tingkahlaku anak-anak terutama apabila anak-anak menggunakan aplikasi internet melalui gajet serta telefon pintar mereka. Melalui program *CyberParenting*, ibubapa diberi pendedahan dan pengetahuan yang sewajarnya mengenai cara untuk mereka memantau aktiviti anak-anak mereka semasa di dalam talian.

Untuk sebarang laporan insiden dan ancaman keselamatan siber, orang ramai boleh menghubungi CyberSecurity Malaysia melalui Pusat Bantuan Cyber999 menerusi email cyber999@cybersecurity.my atau 1300-88-2999.